

LAPORAN TAHUNAN | ASNB



ASB

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 DISEMBER 2023

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI), Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP) dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023 (PITKD) telah dikemas kini melalui Prospektus Induk Tambahan Ketiga yang bertarikh 1 Disember 2023 (PITKT). Kemas kini yang dilakukan di dalam PITKT adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Forward Price Funds*" dan "*Historical Price Funds*"; dan Penambahan definisi berkenaan "*ISCAP*", "*RMP*" dan "*SBL*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Kemas kini maklumat berkenaan "*Pemegang Amanah*" dan "*Wakil Pemegang Amanah*" di bawah "*Direktori Korporat*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Penentuan Harga*", "*Polisi Pelaburan dan Strategi Pelaburan Utama*" dan "*Polisi Pembiayaan dan Pinjaman Sekuriti*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan "*Kawalan Risiko / Pengurusan Risiko*" dan "*Risiko Khusus untuk Melabur dalam Tabung-Tabung*" di bawah "*Potensi Risiko berkaitan dengan Tabung-Tabung*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Penilaian Untuk Menentukan Nilai Aset Bersih*", "*Penentuan Harga bagi Tabung Harga Hadapan*", "*Polisi Penentuan Harga Tunggal bagi ASN, ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2, ASN Sara 1, dan ASN Sara 2*", "*Pelaburan Semula Unit*" dan "*Penukaran Unit antara Tabung-Tabung*" di bawah "*Informasi Transaksi*";
- 6) Kemas kini berkenaan "*Latar Belakang Pengurus - ASNB*" di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 7) Maklumat mengenai pelantikan baharu berkenaan "*Ahli Lembaga Pengarah - ASNB*" iaitu Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Pengerusi ASNB dan Encik Faisal Ariff bin Rozali Wathooth sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 8) Kemas kini latar belakang pemegang amanah dan wakil pemegang amanah di bawah "*Pemegang Amanah*";
- 9) Penambahan berkenaan "*Pengecualian dan Variasi daripada Garis Panduan Dana Unit Amanah*" yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk Tabung Harga Tetap di bawah "*Kelulusan dan Syarat*"; dan
- 10) Kemas kini berkenaan dengan "*Pengecualian Cukai untuk Amanah Saham Bumiputera 2*" di bawah "*Percukaian Tabung*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITKT ini boleh diperolehi di laman web ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	15
5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH	16
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB	17
7. PENYATA KEWANGAN	18
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	18
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	19
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	20
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2023	21
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	31
9. MAKLUMAT KORPORAT	33

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA
(ASB)**



Pemegang-pemegang unit ASB yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASB	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB ialah menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengkalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

Nota: ASB bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Dana Unit Amanah.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASB menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2023, seramai 10,857,928 individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	8,436,469	77.69	4,981,281,736.62	2.85
5,001 hingga 10,000	483,354	4.45	3,402,733,339.88	1.95
10,001 hingga 50,000	1,004,042	9.25	23,647,022,048.97	13.52
50,001 hingga 500,000	903,117	8.32	116,990,892,295.57	66.88
500,001 dan ke atas	30,946	0.29	25,885,179,587.55	14.80
JUMLAH	10,857,928	100.00	174,907,109,008.59	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

- A. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2023	2022	2021
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	6.73	6.94	8.93
Barangan Bukan Asasi Pengguna	1.91	2.44	2.68
Barangan Asasi Pengguna	12.05	11.78	10.77
Tenaga	1.70	1.42	2.12
Kewangan	30.34	29.28	28.29
Penjagaan Kesihatan	1.81	0.97	1.16
Perindustrian	8.64	7.80	8.34
Teknologi Maklumat	2.42	3.03	3.06
Bahan Asas	1.86	1.87	2.54
Hartanah	10.29	8.76	7.58
Utiliti	5.38	4.97	5.14
Jumlah	83.13	79.26	80.61
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	2.20	1.53	1.27
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	7.45	8.09	7.18
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	7.22	11.12	10.94
Jumlah	100.00	100.00	100.00

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	20.77
2.	Sime Darby Plantation Berhad	9.09
3.	Sime Darby Berhad	3.89
4.	Tenaga Nasional Berhad	3.76
5.	PNB Capital LLC	2.58
6.	PNB Real Estate 1 LLC USD	1.93
7.	CIMB Group Holdings Berhad	1.82
8.	Axiata Group Berhad	1.75
9.	CelcomDigi Berhad	1.58
10.	Maxis Berhad	1.56
11.	Petronas Chemicals Group Berhad	1.39
12.	PNB Capital Global 2 LLC USD	1.37
13.	Telekom Malaysia Berhad	1.32
14.	Sime Darby Property Berhad	1.22
15.	PNB Real Estate 1 LLC EUR	1.20
16.	MISC Berhad	0.96
17.	Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Berhad	0.87
18.	Petronas Gas Berhad	0.75
19.	IHH Healthcare Berhad	0.72
20.	Public Bank Berhad	0.72

Nota : Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2023	2022	2021
Unit Dalam Edaran (Juta)	174,975	186,365	181,909
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.25	3.35	4.25
Bonus (sen) ¹	1.00	1.25	0.75
Bonus Tambahan (sen) ²	-	0.50	-
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	7,534.30	6,179.03	7,510.24
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2024	1 Januari 2023	1 Januari 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ³	0.33	0.22	0.43
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ⁴	0.21	0.12	0.24

Nota:

1. Bonus dibayar berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
2. Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2022 adalah tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.
3. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah ketara disebabkan oleh ASB mendapat pengecualian separa yuran pengurusan yang lebih rendah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
4. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah ketara disebabkan oleh peningkatan aktiviti jual beli yang dipacu oleh persekitaran pasaran saham yang lebih aktif.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM7,534,298,890 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 4.25 sen seunit. Pada masa yang sama, PNB telah mengagihkan bonus sebanyak 1.00 sen seunit bersamaan RM1,764,349,364. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	31 Disember 2023		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	4.25	3.95	4.07
Bonus (sen) ²	1.00	1.00	0.85
Bonus Tambahan (sen) ³	-	0.17	0.25
Penanda Aras (%)	2.84	2.32	2.47

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
 - Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
 - Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$
- Bonus dibayar adalah berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak PNB.
- Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2020 dan 2022, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2023	2022	2021	2020	2019
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	4.25	3.35	4.25	3.50	5.00
Bonus (sen) ¹	1.00	1.25	0.75	0.75	0.50
Bonus Tambahan (sen) ²	-	0.50	-	0.75	-
Penanda Aras (%)	2.84	2.27	1.85	2.18	3.18

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Bonus dibayar adalah berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak PNB.
- Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2020 dan 2022, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASB ("Tabung") telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur dalam portfolio kelas aset yang pelbagai terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di bursa asing, sekuriti yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan Tabung. Tabung boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Tabung (Value of Fund) dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Tabung juga dibenarkan untuk melabur dalam pelaburan asing sebagaimana yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Strategi pelaburan Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi dan prestasi pasaran modal domestik dan antarabangsa. Sepanjang tempoh tersebut, prestasi pasaran modal sangat mencabar berikutan kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa termasuk Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam usaha mengawal kadar inflasi yang tinggi. Selain itu, kebimbangan terhadap kemelesetan ekonomi dunia, krisis perbankan yang dicetuskan oleh kejatuhan Silicon Valley Bank di Amerika Syarikat serta ketegangan geopolitik juga telah memberi kesan kepada prestasi pasaran modal. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain seperti pembukaan berterusan sempadan antarabangsa dan jangkaan kadar kenaikan faedah hampir memuncak telah memberikan sokongan kepada sentimen pasaran modal. Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti domestik dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

i. Ekuiti

Dalam persekitaran saham yang mencabar bagi pasaran domestik dan antarabangsa, pelaburan Tabung dalam ekuiti telah dilakukan secara selektif dalam sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas yang kukuh, prospek perniagaan yang mampan dan kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham domestik dan antarabangsa. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti mengekalkan tumpuan pada saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten serta memberikan penekanan terhadap sektor-sektor yang dijangka mengalami pertumbuhan positif dalam jangka masa panjang.

a. Domestik

Pelaburan Tabung dalam ekuiti domestik tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas fundamental yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti domestik memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten bagi memastikan Tabung mencapai prestasi yang memuaskan dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan, Penjagaan Kesihatan dan Bahan Asas.

b. Antarabangsa

Tabung telah meningkatkan pelaburan dalam pasaran antarabangsa kepada 9.6% daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") pada 31 Disember 2023 berbanding 7.2% pada 31 Disember 2022, dalam usaha menjana pulangan yang lebih kompetitif. Pelaburan antarabangsa tertumpu kepada sektor pertumbuhan sekular seperti sektor Teknologi Maklumat yang berpotensi mengalami pertumbuhan pesat dalam jangka masa panjang, dipangkin oleh Kecerdasan Buatan ("Artificial Intelligence, AI"). Selain itu, pelaburan juga tertumpu kepada sektor-sektor yang defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna yang kurang terkesan daripada ketidakpastian keadaan ekonomi dan pasaran global. Di samping itu, pelaburan taktikal dilaksanakan bagi menjana keuntungan dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat daripada pembukaan berterusan sempadan antarabangsa seperti sektor Barangan Bukan Asasi Pengguna dan Perindustrian.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Tabung telah mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan pelaburan yang berpatutan dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi, dalam usaha untuk memberikan pulangan yang berdayasaing kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Kewangan, Infrastruktur dan Tenaga yang mempunyai tempoh matang antara 3 sehingga 10 tahun. Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, selaras dengan risiko kredit terbitan.

Selain daripada itu, pelaburan tambahan turut dilakukan di dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities ("MGS") dan Government Investment Issues ("GII"). Pelaburan dalam sekuriti kerajaan Malaysia dilakukan untuk menjana kupon dan keuntungan modal daripada jual beli ekoran pergerakan naik turun harga yang kerap dan ketara.

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.38% dengan purata tempoh matang portfolio selama 7 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran negara maju

terutamanya sekuriti kerajaan Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan kedalaman pasaran yang tinggi.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik disokong oleh pasaran buruh yang kekal baik dan kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik kembali perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi Maklumat. Namun, persekitaran ekonomi global masih lemah disebabkan oleh bank-bank pusat antarabangsa yang telah mengetatkan dasar monetari secara agresif untuk mengawal inflasi, krisis perbankan yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah, pemulihan ekonomi negara China yang perlahan serta konflik yang semakin meruncing di antara Rusia dan Ukraine. Sehubungan dengan itu, Tabung Kewangan Antarabangsa ("International Monetary Fund, IMF") telah mengunjurkan ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.0% pada tahun 2023 dan sebanyak 2.9% pada tahun 2024.

Pasaran saham utama dunia telah mencatatkan kenaikan yang memberangsangkan kerana kenaikan kadar faedah yang semakin perlahan dan mencapai kemuncak pada akhir tahun 2023, serta kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik kembali perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi Maklumat. Indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI All Country World Islamic Index ("MSCI ACWI") telah merekodkan pertumbuhan sebanyak 19.7%, didorong oleh pasaran saham Jepun (TOPIX, +25.1%), Amerika Syarikat (S&P 500, +24.2%) dan Eropah (STOXX 50, +19.2%). Pasaran saham di negara membangun yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor Teknologi Maklumat turut mendapat manfaat daripada sentimen positif seperti Taiwan (TAIEX, +26.8%) dan Korea (KOSPI, +18.7%).

Walaupun bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi di China yang lemah akibat dibebani masalah hartanah dan hutang yang tinggi telah menyebabkan kejatuhan pasaran saham China (HSCEI, -14.0%). Sehubungan dengan itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN turut menerima kesan daripada kelembapan ekonomi di China. Prestasi negatif telah dicatat oleh Singapura (STI, -0.3%), Filipina (PSEI, -1.8%) dan Thailand (SET, -15.2%) yang telah mencatatkan prestasi terendah akibat ketidakstabilan politik.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, seiring dengan prestasi pasaran saham ASEAN yang lemah, Bursa Malaysia (FBM KLCI) telah mencatatkan penurunan sebanyak -2.7% kepada 1,454.66 mata, daripada 1,495.49 mata pada 31 Disember 2022. Paras tertinggi indeks adalah pada 20 Januari 2023 dengan 1,500.33 mata dan paras terendah pada 8 Jun 2023 dengan 1,374.64 mata. Sektor-sektor dalam Bursa Malaysia yang telah mencatatkan peningkatan adalah seperti sektor Utiliti (+51.4%), Hartanah (+34.5%) dan Pembinaan (+25.8%) didorong oleh pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030"), projek HSR, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("National Energy Transition Roadmap, NETR"). Manakala, sektor-sektor yang mencatatkan penurunan dalam tempoh tinjauan adalah sektor Produk Pengguna (-5.6%), Produk Perindustrian (-4.8%) dan Telekomunikasi (-3.5%). Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan prestasi positif dalam tempoh tinjauan adalah YTL Power International Bhd (+255.2%), YTL Corporation Bhd (+225.9%) dan Tenaga Nasional Bhd

(+4.3%). Manakala saham-saham yang mencatatkan penurunan dalam tempoh tinjauan adalah Mr. DIY Group Bhd (-27.5%), Axiata Group Bhd (-23.0%) dan PPB Group Bhd (-17.0%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah merosot sebanyak 4.1% kepada RM4.5940/USD pada 31 Disember 2023, berbanding RM4.4040/USD pada 31 Disember 2022. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras tertinggi RM4.2430 pada 30 Januari 2023 dan pada paras terendah RM4.7943/USD pada 23 Oktober 2023. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif kadar polisi utama Amerika Syarikat bagi membendung kenaikan kadar inflasi. Di samping itu, Ringgit Malaysia juga terkesan akibat ekonomi China yang lebih lemah daripada jangkaan, menjadikan kadar eksport negara ke China lebih rendah di mana China merupakan antara rakan perdagangan utama Malaysia.

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia pada suku ketiga tahun 2023 telah berkembang sebanyak +3.3% berbanding peningkatan sebanyak +2.9% pada suku kedua tahun 2023 disokong oleh peningkatan permintaan dalam negara yang kukuh, pasaran buruh yang terus bertambah baik serta aktiviti pelancongan dan pembinaan yang semakin rancak. Pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri yang berkembang berikutan prospek pekerjaan dan pendapatan yang stabil, ditambah dengan pelaburan projek infrastruktur berbilang tahun serta pemulihan eksport elektrik dan elektronik yang lebih kukuh.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Kadar inflasi global yang meningkat secara mendadak bermula hujung tahun 2021 berikutan aktiviti pembukaan semula ekonomi pasca pandemik telah mendorong bank-bank pusat antarabangsa untuk menaikkan kadar monetari secara agresif bermula tahun 2022 dalam usaha menjinakkan inflasi. Walaupun langkah ini telah berjaya menurunkan kadar inflasi ke tahap yang mengalakkan, ia kekal melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh bank-bank pusat antarabangsa, terutamanya di negara-negara maju. Oleh itu, bank-bank pusat terus mengekalkan dasar monetari yang ketat sehingga kini.

Sepanjang tahun kewangan 31 Disember 2023, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) telah menaikkan kadar faedah dasar sebanyak empat kali daripada 4.50% kepada 5.50%, manakala bank pusat England (Bank of England) dan bank pusat Eropah (European Central Bank) telah menaikkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak lima dan enam kali daripada 3.50% kepada 5.25%, dan daripada 2.50% kepada 4.50%. Sehubungan dengan itu, pasaran bon global telah terjejas dengan peningkatan hasil bon kepada paras yang tinggi, di mana paras tersebut kali terakhir dilihat semasa tempoh krisis kewangan pada tahun 2008-2009. Namun, menjelang penutupan tahun kewangan, pasaran bertukar kukuh didorong oleh tanda-tanda awal kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan jangkaan terhadap pemotongan kadar faedah dasar oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) pada tahun 2024. Secara keseluruhannya, kadar hasil bon 10-tahun US Treasury yang berfungsi sebagai proksi untuk bon antarabangsa, telah meningkat kira-kira 14 mata asas daripada 3.74% kepada 3.88%, dan mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 4.00% (dalam terma US dolar).

Selari dengan bank-bank pusat dunia terutamanya Amerika Syarikat, BNM juga telah menaikkan kadar faedah dasar, berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus

menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei 2023 daripada 2.75% kepada 3.00%. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 25 mata asas dari kadar 2.85% kepada 3.10%. Namun begitu, kadar simpanan tersebut telah dipotong sebanyak 30 mata asas pada hujung bulan Jun, daripada 3.10% kepada 2.80%. Ini adalah untuk memastikan pengurusan kos Maybank lebih optimum, selari dengan situasi ekonomi terkini.

Seiring dengan pergerakan pasaran bon Amerika Syarikat dan kenaikan OPR, kadar hasil sekuriti kerajaan Malaysia turut naik ke paras yang terakhir dilihat pada tahun 2008-2009, sebelum turun menjelang hujung tahun 2023 disebabkan oleh jangkaan terhadap pemotongan kadar faedah dasar oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) pada tahun 2024. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga telah mengekalkan terbitan sekuriti kerajaan Malaysia untuk membiayai perbelanjaan fiskal kerajaan. Secara keseluruhannya, kadar hasil MGS untuk 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 3.46%, 3.57% dan 3.73%, masing-masing menurun sebanyak 16, 27 dan 34 mata asas. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf "AA1" berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 46 sehingga 66 mata asas. Ini disebabkan oleh permintaan yang kukuh semasa bekalan bon korporat yang rendah.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, pasaran modal tempatan dan global dijangka akan terus mencabar, dipengaruhi oleh kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.0% pada tahun 2023 dan 2.9% pada tahun 2024, lebih perlahan berbanding pertumbuhan pada tahun 2022 sebanyak 3.5%. Ini disebabkan oleh kenaikan agresif kadar faedah oleh bank-bank pusat seluruh dunia dan risiko ketegangan geopolitik.

Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan Tabung akan memberi tumpuan dalam kepelbagaian portfolio meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang sebagai langkah untuk memastikan pulangan Tabung yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko portfolio pelaburan.

i. Ekuiti

a. Domestik

Strategi pelaburan ekuiti domestik akan dilakukan secara selektif dan tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan pulangan dividen yang tinggi dan konsisten dalam usaha memastikan pulangan Tabung yang kompetitif dalam persekitaran ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar.

Antara sektor yang diberi tumpuan termasuk sektor Kewangan yang memperoleh manfaat daripada perkembangan ekonomi Malaysia yang diunjur lebih baik pada tahun 2024, dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan pelaburan asing yang dijangka meningkat. Selain itu, pelaburan juga akan ditumpukan kepada sektor Perindustrian khususnya sub-sektor Pembinaan yang dijangka akan terus mendapat manfaat daripada projek-projek infrastruktur seperti projek Mass Rapid Transit ("MRT") 3 dan projek Light Rapid Transit ("LRT") Bayan Lepas. Pelaburan

ekuiti domestik juga akan ditumpukan kepada sektor yang mempunyai prospek jangka panjang yang positif seperti sektor Teknologi Maklumat.

b. Antarabangsa

Setelah mengambil kira mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia, pelaburan Tabung untuk aset ekuiti akan kekal aktif dan selektif sepanjang tahun 2024, dengan fokus kepada tren mega dalam ekonomi dunia. Dalam konteks ini, pelaburan akan lebih seimbang dan tidak hanya tertumpu kepada pasaran saham Amerika Syarikat berikutan jangkaan penurunan nilai USD dolar.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan juga akan memberi tumpuan kepada pelaburan di negara-negara membangun yang dijangka akan mendapat manfaat daripada peningkatan nilai mata wang berbanding USD dolar. Pengurus Pelaburan akan terus memberi tumpuan pada pasaran seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan berdasarkan tren manfaat peralihan perdagangan dari China.

Sektor Teknologi Maklumat akan terus menjadi tumpuan utama, terutamanya dengan perkembangan dan penggunaan teknologi AI oleh perniagaan di seluruh dunia. Ini dijangka akan meningkatkan hasil jualan syarikat-syarikat yang terlibat dalam rantaian bekalan AI. Selain itu, syarikat-syarikat semikonduktor di pasaran Asia seperti Korea Selatan dan Taiwan dijangka akan mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan untuk penghasilan cip mikro.

Pelaburan antarabangsa juga akan tertumpu kepada sektor-sektor dan syarikat-syarikat yang dijangka akan kekal defensif dalam keadaan ekonomi global yang mencabar seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan sektor Barangan Asasi Pengguna, disokong oleh keperluan asasi populasi dunia tanpa mengira keadaan ekonomi dewasa.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Kadar dasar semalaman oleh bank pusat Amerika Syarikat berkemungkinan akan kekal pada aras yang tinggi dalam jangka masa pendek, namun dijangka akan mula turun pada akhir tahun 2024. OPR dari BNM pula dijangka akan kekal pada kadar 3%.

Oleh yang demikian, pasaran sekuriti berpendapatan tetap kerajaan dijangkakan akan naik turun dengan ketara dan kerap pada jangka masa pendek. Pengurus Pelaburan telah menyusun strategi taktikal bagi menjana keuntungan modal yang selaras dengan risiko yang diambil. Strategi pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Malaysia, MGS dan GII lebih tertumpu kepada penjanaan keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai ciri kecairan lebih tinggi berbanding bon korporat. Bagi pasaran sekuriti pendapatan tetap antarabangsa, Pengurus Pelaburan akan melakukan pelaburan taktikal untuk menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada pelabur.

Pada masa yang sama, Pengurus Pelaburan akan memberikan keutamaan kepada pelaburan dalam sukuk korporat yang lebih defensif dan memberikan kadar hasil lebih lumayan tatkala pasaran yang kurang menentu. Pelaburan Tabung dalam sukuk korporat akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kadar hasil yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Pegangan akan tertumpu pada sukuk korporat dengan purata penarafan "AA" dan tempoh matang antara 5 sehingga 10 tahun. Syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dipilih untuk memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Tabung juga akan

mempelbagaikan pelaburan dalam sukuk korporat menerusi kepelbagaian sektor. Durasi boleh ubah Tabung juga akan mengambil kira faktor ekonomi domestik dan global, seperti kadar inflasi dan kadar pertumbuhan ekonomi.

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras iaitu kadar simpanan tetap, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada tabung.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang diambil oleh Pengurus Pelaburan. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

Walaupun bagaimanapun, bank-bank pusat dijangka menghampiri penghujung kitaran kenaikan kadar faedah pada tahun 2024. Oleh yang demikian, strategi Tabung juga akan melibatkan peralihan tumpuan kepada peningkatan pelaburan di dalam MGS dan GII yang mampu menjana keuntungan modal. Pengurus Pelaburan akan menyeimbangkan semula perumpukan aset di antara sukuk korporat dan sekuriti hutang kerajaan Malaysia berdasarkan keadaan semasa ekonomi.

Pelaburan di pasaran sekuriti pendapatan tetap antarabangsa juga akan terus dilaksanakan secara taktikal, setelah mengambil kira faktor seperti kadar hasil, penarafan kredit dan pergerakan mata wang bagi menambahkan lagi pulangan kepada para pelabur. Pengurus Pelaburan akan mencari peluang dalam pasaran sukuk negara membangun seperti Indonesia dan Arab Saudi, yang mempunyai penarafan antarabangsa yang stabil dan kadar hasil yang lebih tinggi daripada sukuk tempatan. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi.

Pengurus Pelaburan akan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta melakukan pelarasan strategi dalam usaha untuk menjana kadar hasil yang kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama mencapai objektif Tabung.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Dana Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2023, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 7 Februari 2024.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN
RAJA TUN UDA**
Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 Februari 2024

5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah") untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan Unit Amanah yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 7 Februari 2024.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Unit terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan Unit Amanah untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
7 Februari 2024

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2025 J
Akauntan Bertauliah

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		1,131,178,252	1,054,933,711
Pendapatan dividen		5,949,626,524	5,943,409,914
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		1,429,530,907	978,489,056
Kerugian ternyata daripada kontrak hadapan tukaran asing		(534,000)	(651)
Keuntungan bersih tukaran asing		37,621,155	24,395,727
		<u>8,547,422,838</u>	<u>8,001,227,757</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	5	465,572,080	335,259,991
Yuran pemegang amanah	6	1,000,000	1,000,000
Ganjaran juruaudit		52,700	47,300
Yuran ejen cukai		5,600	5,400
Perbelanjaan pentadbiran		111,058,236	74,508,369
Rosot nilai pelaburan		388,014,233	1,397,279,477
		<u>965,702,849</u>	<u>1,808,100,537</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		<u>7,581,719,989</u>	<u>6,193,127,220</u>
CUKAI	7	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>7,581,719,989</u>	<u>6,193,127,220</u>
Pengagihan pelaburan	8	<u>7,534,298,890</u>	<u>6,179,030,779</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>4.25 sen</u>	<u>3.35 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 Januari 2023</u>	<u>1 Januari 2022</u>
Pendapatan bersih selepas cukai:			
Ternyata		7,581,719,989	6,219,397,475
Tidak Ternyata		-	(26,270,255)
		<u>7,581,719,989</u>	<u>6,193,127,220</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		7,581,719,989	6,193,127,220
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		<u>7,581,719,989</u>	<u>6,193,127,220</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		7,581,719,989	6,219,397,475
Tidak ternyata		-	<u>(26,270,255)</u>
		<u>7,581,719,989</u>	<u>6,193,127,220</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	2023	2022
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	39,513,902,760	20,415,247,250
Pembelian pelaburan	(33,656,843,028)	(24,560,121,813)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(8,658,857,941)	(15,817,314,702)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	15,817,314,702	16,652,625,020
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,244,312,903	1,040,303,552
Pendapatan dividen diterima	5,842,124,541	5,840,426,261
Pembayaran yuran pengurus	(440,192,773)	(363,429,247)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(1,000,000)	(1,000,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(110,811,038)	(74,593,369)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	<u>19,549,950,126</u>	<u>3,132,142,952</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	9,551,600,000	13,947,500,000
Pengagihan dibayar	(21,111,500,000)	(7,510,236,260)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(6,179,030,779)	(9,491,100,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(17,738,930,779)</u>	<u>(3,053,836,260)</u>
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	1,811,019,347	78,306,692
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	37,621,155	27,709,856
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>7,641,148,332</u>	<u>7,535,131,784</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	378,249,883	512,069,793
Deposit dengan institusi kewangan	17,770,396,892	22,946,393,241
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	18,148,646,775	23,458,463,034
	<u>(8,658,857,941)</u>	<u>(15,817,314,702)</u>
	<u>9,489,788,834</u>	<u>7,641,148,332</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2023

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 21 Oktober 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 21 Oktober 1989, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 7 Februari 2024.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada entiti dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. MAKLUMAT DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkaraperkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan tidak (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada PNB diiktiraf dalam untung atau rugi pada tarikh urus niaga.

(g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN MATERIAL

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dikerosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM388,014,233 (2022: RM1,397,279,477).

5. YURAN PENGURUS

Klausu 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 sebanyak 0.25% (2022: 0.175%) daripada NAB Unit Amanah.

6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausu 13.2 dan Jadual ke Sembilan Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 ditetapkan pada RM1,000,000 (2022: RM1,000,000).

7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 sehingga tahun berikutnya.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2023	2022
	RM	RM
Peruntukan pengagihan	7,534,298,890	6,179,030,779

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Disember 2023 sebanyak 4.25 sen (2022: 3.35 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2023 RM	2022 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,131,178,252	1,054,933,711
Pendapatan dividen	5,949,626,524	5,943,409,914
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	1,381,575,808	431,851,301
Keuntungan bersih ternyata kadar tukaran asing	37,621,155	50,665,982
Keuntungan ternyata tahun sebelumnya	-	506,270,408
	<u>8,500,001,739</u>	<u>7,987,131,316</u>
Tolak: Perbelanjaan	(965,702,849)	(1,808,100,537)
Jumlah pengagihan	<u>7,534,298,890</u>	<u>6,179,030,779</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	4.25 sen	3.35 sen

9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2023		2022	
	Unit	RM	Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	186,365,100,000	186,365,100,000	181,908,700,000	181,908,700,000
Penjadian unit untuk:				
Jualan	959,500,000	959,500,000	5,257,500,000	5,257,500,000
Pelaburan semula pengagihan	6,179,030,779	6,179,030,779	7,510,236,260	7,510,236,260
Pelaburan semula bonus	2,582,469,221	2,582,469,221	1,179,763,740	1,179,763,740
	<u>9,721,000,000</u>	<u>9,721,000,000</u>	<u>13,947,500,000</u>	<u>13,947,500,000</u>
Pembatalan unit	(21,111,500,000)	(21,111,500,000)	(9,491,100,000)	(9,491,100,000)
Pada akhir tahun	<u>174,974,600,000</u>	<u>174,974,600,000</u>	<u>186,365,100,000</u>	<u>186,365,100,000</u>

10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2023, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2023, PNB secara sah memegang 133,590,991 (2022: 119,737,064) unit, merangkumi 0.08% (2022: 0.06%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM'000	%	RM'000	%
Maybank Investment Bank Berhad **	3,928,649,999	20.84	2,203,002	20.69
Malayan Banking Berhad *	1,728,830,962	9.17	-	-
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	1,136,230,815	6.03	1,305,166	12.26
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	893,321,170	4.74	901,897	8.47
RHB Investment Bank Berhad **	870,854,220	4.62	633,257	5.95
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	831,666,318	4.41	746,224	7.01
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	823,032,973	4.37	1,073,150	10.07
Standard Chartered Bank Malaysia Berhad	807,323,254	4.28	-	-
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	743,034,293	3.93	793,915	7.45
CIMB Bank Berhad*	713,743,363	3.78	-	-
Lain-lain	6,377,401,192	33.83	2,992,442	28.10
	<u>18,854,088,559</u>	<u>100.00</u>	<u>10,649,053</u>	<u>100.00</u>

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2023	2022
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.21 kali	0.12 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2023	2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.33%	0.22%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Mata Wang

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	TERENGGANU
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	

KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutura Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

9. MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUS

Amanah Saham Nasional Berhad

197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

Permodalan Nasional Berhad

197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

EMEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad

200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang

50508 Kuala Lumpur

TELEFON

03-2036 5129

EMEL

art@artrustees.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

